

PERMOHONAN TAMBAHAN UNIT KE DALAM PERMIT IKLAN DAN JUALAN DI BAWAH PERATURAN 5, PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) (PINDAAN) 2002

Bil.	Dokumen yang diperlukan	Keterangan
1.0	BORANG PERMOHONAN	
	<i>(Tiada borang khusus digunakan)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat iringan (covering letter) mesti disertakan.</i> • <i>Lesen pemaju hendaklah terdahulu bebas daripada sebarang syarat yang dikenakan oleh Kementerian ini. Sekiranya ada syarat bagi kelulusan lesen yang asal dan masih belum dipenuhi, pemaju hendaklah mengemukakan penjelasan kenapa syarat-syarat berkenaan masih belum dipenuhi dan kemukakan juga segala dokumen sokongan yang berkaitan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan yang terlibat.</i> • <i>Jaminan bank (sekiranya ada) hendaklah diperbaharui terlebih dahulu jika tempoh hampir/telah tamat</i>
2.0	DOKUMEN SOKONGAN	
2.1	Penjelasan butiran tambahan unit yang dilakukan	
2.2	Salinan senarai harga jualan setiap unit	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Harga jualan terendah dan tertinggi hendaklah dicatatkan</i>
2.3	Surat kelulusan Majlis/PBT bagi pelan bangunan, beserta pelan bangunan bagi unit tambahan berkenaan yang telah diluluskan dan masih sah tempoh kuatkuasanya.	
2.4	Tiga salinan deraf iklan Brosur (dimestikan) dan lain-lain iklan sepertimana permohonan Permit Iklan dan Jualan (baru)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Brosur mesti mengandungi pelan lantai tipikal dengan perincian ukuran ruang (bilik, dapur, ruang tamu, dll) yang jelas dan spesifikasi dalam Bahasa Malaysia</i> • <i>Penyataan ‘...tertakluk kepada pindaan...’ dan logo Jabatan/Agensi Kerajaan mesti dibatalkan daripada deraf iklan</i> • <i>Tarikh jangka siap dan tarikh tamat pajakan mesti dinyatakan secara spesifik bulan dan tahunnya</i> • <i>Catatkan harga terendah dan tertinggi (harga bukan Bumiputera) dalam iklan, serta bilangan unit untuk dijual</i>

		<ul style="list-style-type: none"> • <i>Deraf iklan hendaklah yang terbaru dan telah dipinda dengan mencatatkan butiran pemajuan yang terbaru seperti bilangan baki unit, harga terendah dan tertinggi, dan apa-apa jua kenyataan yang terkandung di dalam Peraturan 6, Peraturan yang sama sepertimana di catatan di bawah.</i> • <i>Borang permohonan mesti mencatatkan baki unit yang masih belum dijual dengan jelas. Sekiranya masih tiada sebarang penjualan dilakukan ketika permohonan pembaharuan Permit Iklan dan Jualan, maka penjelasan perlu diberikan.</i> <p><u>Catatan:</u></p> <p><i>BUTIRAN YANG PERLU DIMASUKKAN KE DALAM DRAF IKLAN DI BAWAH PERATURAN 6, PERATURAN-PERATURAN PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2002</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>(i) Nama pemaju beserta alamat lengkap dan no. telefon</i> <i>(ii) No. lesen pemaju dan permit iklan & jualan beserta tempoh sahlaku</i> <i>(iii) Jenis Pegangan tanah – Kekal/Bebas, Pajakan, Rezab Melayu, dsb.</i> <i>Jika berstatus Pajakan, tarikh tamat tempoh pajakan tanah hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam iklan</i> <i>(iv) Bebanan (gadaian) tanah – nyatakan nama institusi gadaian</i> <i>(v) Nama Pihak Berkuasa / Majlis yang meluluskan</i> <i>(vi) No. kelulusan Pihak Berkuasa / rujukan pelan bangunan</i> <i>(vii) Tarikh projek dijangka siap – nyatakan bulan dan tahunnya</i> <i>(viii) Harga jualan terendah dan tertinggi serta jumlah unit bagi setiap jenis rumah</i> <i>(ix) Bilangan unit rumah</i>
2.5	<p>Sekiranya tambahan unit melibatkan perubahan pelan susunatur asal, maka segala keperluan dokumen kelulusan tanah yang terbaru perlu dikemukakan sepertimana permohonan lesen pemaju (baru) – menyamai sepertimana kehendak di para 2.2 bagi permohonan pindaan pelan bangunan dan susunatur.</p>	
<p><u>Catatan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Tambahan unit bermakna menambah ke dalam permit iklan & jualan, baki unit yang terdapat dalam permohonan lesen pemaju tetapi masih belum dipohon permit iklan & jualan. Oleh yang demikian, unit-unit yang dipohon sebagai tambahan perlu dipastikan terkandung dalam permohonan lesen pemaju yang asal. Unit-unit yang tidak terdapat dalam permohonan lesen pemaju tidak boleh dipohon sebagai tambahan unit.</i> • <i>Pindaan pelan susunatur perlu dimaklumkan dan mendapat kelulusan Pengawal Perumahan terlebih dahulu supaya rekod pemajuan di KPKT dapat dikemaskini.</i> • <i>Walaupun bagaimanapun, pindaan pelan susunatur amat tidak digalakkan sama sekali kerana ianya akan melibatkan masa pemprosesan yang lama untuk menyelaraskan segala rekod-rekod pemajuan yang asal. Oleh yang demikian, pemaju adalah dinasihatkan untuk merancang pembangunan projek dengan teliti untuk memastikan supaya sebarang perubahan terhadap pelan susunatur asal dielakkan selepas kelulusan lesen dikeluarkan</i> 		

